

UMNO SEDIA DEBAT DI TV DENGAN HADI

MM 26.04.84

KUALA LUMPUR 25 Ogos (Datuk Sri Dr. Mahathir berkata hari ini bahawa UMNO sedia berdebat dengan Ustaz Haji Abdul Hadi Awang, Naib Yang Dipertua PAS secara terbuka di televisyen mengenai kekeliruan PAS dan masalah perpecahan orang-orang Melayu.

Katanya, UMNO akan melantik wakilnya untuk perbincangan itu tetapi jika Ustaz Hadi mahu memuainya, beliau terpaksa bercakap tentang soal ekonomi, masalah antarabangsa dan perkara-perkara lain.

Tetapi nampaknya Ustaz Hadi hanya sanjungan berbilang perkara-perkara yang beliau fikir beliau keburukan atau kebaikan Gajah dan Jasin. Ketua Menterinya, Datuk Sri Ram mempunyai orang-orang yang boleh kaji. Kita kena kaji dulu ketika menghadapinya," kata Perdana Menteri kepada para pemberita ketika mengulas kenyataan Ustaz Haji Hadi dalam majalah Asiaweek baru-baru ini.

Terdahulu dari itu, beliau telah merasmikan mesyuarat agung tahunan keenam Koperasi Usaha Berpagi ini.

Menjawab pertanyaan lain, Datuk Sri Dr. Mahathir Yang juga Presiden UMNO berkata beliau tidak perlu berbincang dengan Ustaz Hadi mengenai Islam memandang beliau tidak mempunyai apa-apa masalah tentang perkara itu.

Ditanya sama ada beliau akan mencrangkan kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS itu mengenai amalan agama Islam di negara ini, Perdana Menteri berkata tindakan tersebut adalah sukar dan tidak

mungkin boleh dilakukan memandangkan Ustaz Hadi sering menegaskan perkara-perkara yang tidak benar walaupun diketahui secara umum.

"Oleh sebab demikian, hanya orang-orang tertentu yang boleh berdebat dengan beliau atas landasan yang sama sahaja yang dapat membuat penjelasan. Tetapi kalau beliau mahu bercakap dengan saya tentang perubatan, saya memang bersedia," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Mengenai gesaan UMNO Negeri Melaka agar kerajaan Pusat mengharamkan parti-parti politik dari menggunakan Islam sebagai nama parti, beliau selaku Presiden UMNO menegaskan bahawa perkara itu perlu dikaji terlebih dahulu.

Katanya, sudah tentu perkara seperti itu terpaksa dikaji jika terdapat kekeliruan bahawa seseorang mesti terlebih dahulu menjadi ahli sebuah parti sebelum ia dapat dianggap sebagai orang Islam.

Tetapi saya tidak dapat ialah bahagian Batu Berendam, Kota Melaka, Alor Gajah dan Jasin. Ketua Menterinya, Datuk Sri Ram

Thamby Chik juga dilaporkan akan mengemukakan perkara itu di mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang.

Mengenai dakwaan PAS, Perdana Menteri mengesahkan bahawa beliau telah menerima memorandum bergerak tidak lebih dari hanya sebuah parti nasionalistik, Datuk Sri Dr. Mahathir hukan kerajaan pusat mengharamkan penggunaan nama agama sebagai nama sebuah parti nasionalistik selagi ia bergerak dan terparti politik.

Utusan Malaysia Selasa membuka kepada satu golongan empat bahagian UMNO itu PAS juga tidak lebih dari

hanya sebuah parti nasionalistik dan bukan sebuah parti Islam.

Mengulas kenyataan Encik Anwar Ibrahim yang mahukan PAS tunjukkan kepada kerajaan apa yang mereka mahu dari segi pentadbiran, Perdana Menteri berkata "kalau betul ada perkara yang tidak kena, mereka patut beritahu agar kerajaan tahu apa yang ia tidak buat hingga menyebabkan mereka sering menyatakan bahawa UMNO tidak melakukan sesuatu."

Beliau menarik perhatian bahawa kerajaan bukan sahaja menumpukan perhatian kepada Bank Islam tetapi juga turut memberi perhatian kepada perkara-perkara lain seperti penubuhan Universiti Islam, Insurans Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Malangnya PAS hanya melihat perkara-perkara tertentu dan tidak mahu mengakui hakikat sebenar, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa beliau telah menemui Ahli Parlimen Pasir Putih, Wan Mohd Najib Wan Mohamad tentang isu pertikaman lidah dengan anggota DAP kawasan Jelutong, Encik Karpal Singh baru-baru ini.

"Beliau (Wan Najib) kesan reaksi orang ramai yang sedemikian kerana apa yang dikatakan dalam perbincangan di Parlimen adalah dikeluarkan dalam suasana yang panas dan marah. Apa saja boleh berlaku dalam masa itu tetapi setelah kenyataan mengenai ini dibuat oleh pihak yang terlibat, saya fikir adalah mencukupi ia dibiarkan setakat itu saja.

"Akhbar-akhbar juga janganlah menimbulkan suasana yang tegang dalam perkara seumpama," kata Perdana Menteri.